

## **Dr. Mahathir dicalonkan ketuai UMNO Kubang Pasu**

**ALOR SETAR, Sabtu** — Lima puluh Cawangan UMNO Bahagian Kubang Pasu mencalonkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed menjadi Ketua Bahagian itu.

Setiausaha Bahagian tersebut, Ustaz Abu Bakar bin Hussein, memberitahu Berita Minggu 75 cawangan lagi yang masih belum bermesyuarat, jua dijangka sebulat suara mencalonkan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed.

Menurut beliau, Perdana Menteri menang tanpa bertanding selaku Ketua UMNO Bahagian itu sejak 1974.

Datuk Haji Osman Aroff juga dicalonkan oleh kesemua 50 cawangan itu sebagai Timbalan Ketua UMNO Bahagian tersebut.

Menurutnya, UMNO Bahagian itu kini meningkat dari 60 ke 125 cawangan dan mempunyai hampir 20,000 ahli

selepas pilihanraya umum lalu.

Setiausaha UMNO Bahagian itu, berkata 10 cawangan baru ditubuhkan di kubu-kubu PAS yang selama ini tidak dapat ditembusi oleh UMNO.

UMNO Bahagian itu, ujarnya, menerima permohonan baru untuk menubuhkan lapan lagi cawangannya di kawasan PAS. Cawangan tersebut, yang akan ditubuhkan sebelum pilihanraya ini, mempunyai 400 ahli.

Bellau percaya Perdana Menteri akan mendapat kemenangan lebih besar di kawasan Kubang Pasu, dalam pilihanraya nanti memandangkan ramainya ahli PAS kini menjadi ahli UMNO dalam Bahagian itu.

Calon PAS yang bertanding di kawasan itu, tegasnya, akan kalah teruk dalam pilihanraya umum kali ini.